

# BULETIN

## AL - IRSYAD

Unit Pendidikan Islam &amp; Moral

Jabatan Pengajian Am, PTSS

2019 M / 1440 H

### Motivasi Diri, Inspirasi Jiwa

*Antara yang menarik .....*

DUNIA JAMBATAN KE  
AKHIRAT

Memahami bagaimana para sahabat melihat  
Islam dalam perspektif yang bukan hanya  
terbatas pada permaidani solat..

INSPIRASI KISAH ZULKARNAIN

Pemimpin hebat yang kisahnya dinukilkhan  
dalam Al-Quran

IKON HEBAT

Individu di sebalik seni bina 'signature'  
Malaysia

AROMA RAMADHAN

Kekalkah wangian dan semangat  
Ramadhan dalam diri kita?

Ramadan  
Kareem

ISSN 2637-0247



9 772637 024001

**BULETIN AL-IRSYAD**

© Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, 2018

Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin dari penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan- dalam -Penerbitan

*Ilustrasi: sumber google*

**Sidang Redaksi**

Diterbitkan oleh:

Unit Pendidikan Islam dan Moral  
Jabatan Pengajian Am,  
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin  
Pauh Putra,  
02600 Arau,  
Perlis.

**Penaung I**

Encik Abdul Malek Bin Hassan

**Penaung II**

Puan Roseliza Binti Dato' Shaari

**Penasihat I**

Encik Razak Bin Nordin

**Penasihat II**

Puan Zuraiha Binti Mohd Zain

**Editor**

Norhafizah Binti Mohd Ghazali

Ainul Farhaan Binti Harun

**Sub Editor / Pruf**

Rosmawati Binti Razak

**Konsep dan Layout Buletin**

Ainul Farhaan Binti Harun

Norhafizah Binti Mohd Ghazali

## KUPASAN MENARIK ....

3

### TUJUAN HIDUP GENERASI SAHABAT

Generasi sahabat adalah contoh kekuatan pada pegangan dan paksi Islam, mereka memegang obor dan panji agama demi keredhaan Allah. Agama difahami dalam kerangka yang luas dan bukan sekadar pada hamparan ‘permaidani’ solat

Oleh: Dr. Yusry Affandy Bin Md Isa  
*Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM*

**M/S 4**

### SEMANGAT JATI DIRI LAMBANG KEJAYAAN

Hijas Kasturi, nama di sebalik senibina unik yang terkenal dan sinonim di Malaysia seperti Menara Rebung TM, Bangunan Tabung Haji, Menara Maybank dan Pusat Konvensyen Putrajaya.

Oleh: Junaidah Jaafar,  
*Pegawai Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (ULPL), PTSS*

**M/S 7**

### SEJASAD DIRI SEPOTONG NAMA

Bumi Allah itu luas, setiap langkah perjalanan amat sarat dengan ibrah, jika dikutip dan disemat dalam jiwa nyata ia akan memberi kesan positif dalam diri.

Oleh: Roshadah Abu Bakar  
*Pensyarah Kanan Unit Pendidikan Islam & Moral, JPA PTSS*

**M/S 10**

### RAMADHAN BUKAN SEKADAR LAPARDAHAGA

Aroma dan roh Ramadhan begitu mewangi dalam bulan barakah ini. Namun adakah istiqamahnya itu kekal atau bersifat sementara dan bermusim sahaja?

Oleh: Mumtaz Hidayatullah Yatau  
*Pelajar PhD Biochemistry  
Universiti Malaysia Sabah*

**M/S 12**

### INSPIRASI KEPIMPINAN IDEAL KISAH ZULKARNAIN

Zulkarnain dikatakan antara pemimpin terbaik pada zamannya kerana mendepani pelbagai watak manusia. Cabaran Yakjuj & Makjuj dikisahkan dalam Al-Quran sebagai panduan dan inspirasi.

Oleh: Rosmawati Razak  
*Pensyarah Unit Pendidikan Islam & Moral, JPA PTSS*

**M/S 13**

### BAGAIMANA MENDEPANI TRAUMA PSIKOLOGI: MENELUSURI KISAH MARYAM

Maryam, wanita terpilih yang namanya dinukilkhan dalam Al-Quran. Semoga kita mampu menjadikan Maryam sebagai teladan dan inspirasi hidup tentang hebatnya wanita Islam.

Oleh: Zuraiha Binti Mohd Zain  
*Ketua Kursus Unit Pendidikan Islam & Moral, JPA PTSS*

**M/S 16**

### GALERI AKTIVITI UNIT PENDIDIKAN ISLAM

Corat – coret dan album aktiviti Unit Pendidikan Islam dan Moral (UPIM) JPA, PTSS. Pelbagai aktiviti ilmiah dilaksanakan sepanjang tahun 2019

**M/S 18**

### UJI MINDA

Teka silangkata yang menguji dan mengasah minda berkaitan Islam, berdasarkan artikel penuh ilmiah yang diselitkan dalam buletin ini. Jom uji minda dan daya ingatan anda!

**M/S 23**

## TUJUAN HIDUP GENERASI SAHABAT

*Dr. Yusry Affandy Bin Md. Isa*



HEBATNYA GENERASI PARA  
SAHABAT

**Info**

### MAKHLUK TERBAIK

Manusia merupakan makhluk terbaik yang diciptakan Allah SWT. Dengan bekalan akal dan bimbingan wahyu, hakikatnya semua manusia telah diperintahkan untuk mengabdikan diri dan seluruh kehidupan hanya kepada Pencipta Yang Maha Esa. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*Katakanlah; Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan dan aku (antara seluruh umat) adalah orang Islam yang awal pertama (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintah-Nya).*

(Surah al-An'am, ayat 162-163)

Ayat ini jelas menuntut segala gerak kerja insan, cetusan ideologi dan lintasan niat sanubari insan mestilah berpaksikan tauhid kepada Allah SWT. Untuk mencapai matlamat ini, setiap individu Muslim khususnya wajar menyemai benih ketakwaan kepada Allah SWT bagi menyempurnakan tujuan hidup ini. Tanpa mengira apa jua situasi dan cabaran, takwa akan menjadi panduan bermanfaat dan benteng utuh bagi memusatkan matlamat hidup agar tulus hanya diserahkan kepada-Nya.

Generasi awal Islam yang terdiri daripada para Sahabat r.a. adalah contoh generasi yang berjaya memusatkan kehidupan berdasarkan kehendak Allah SWT. Mereka terdiri daripada insan-insan yang amat bertakwa mengatasi generasi yang lain.

Mereka terbukti sanggup memegang obor Islam dalam apa jua keadaan biarpun sering diuji dengan tribulasi yang amat menyeksakan. Rasulullah SAW memuji insan yang memegang erat obor Islam dan sudah tentu para Sahabat r.a. termasuk dalam hadis ini:

*Telah bermula Islam dalam keadaan asing dan keadaan Islam akan dipandang asing seperti awal kebangkitannya maka beruntunglah golongan yang asing itu.*

(Riwayat Imam Muslim, *Sahih Muslim*, no. 3986)

Para ulama telah mengistilahkan Sahabat r.a. sebagai individu yang sempat berjumpa dengan Rasulullah SAW walaupun sesaat, beriman dan meninggal dunia sebagai seorang Islam (Syeikh Subhi Salih, 1996). Rasulullah SAW mengiktiraf peranan yang dimainkan para Sahabat r.a. dalam memperkembangkan ajaran Islam. Mereka menghayati misi kehidupan yang telah ditentukan Ilahi dengan banyak berkorban, mempertahankan diri utusan Allah, syahid di medan tempur, mengerakkan pentadbiran Islam dan sebagainya. Apa jua yang mereka laksanakan mereka tidak lupakan pesanan Allah dan Rasul lalu melayakkan mereka mendapat anugerah "sebaik-sebaik generasi."

**SAHABAT** adalah gelaran yang diberikan kepada individu yang sempat bertemu dengan Rasulullah walaupun sesaat, beriman dan meninggal dalam Islam

Rasulullah SAW mengiktiraf peranan dan **tugas para sahabat** dalam menyebarluaskan ajaran Islam

Para **SAHABAT** sanggup memegang obor Islam dalam apa jua keadaan biar diuji dengan pelbagai mehnah dan tribulasi

Generasi para **SAHABAT** berjaya memusatkan seluruh kehidupan selari dengan kehendak Allah SWT

Sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: *Sebaik-baik kalian adalah (golongan) kurunku kemudian golongan kurun selepas itu serta golongan kurun selepas itu pula.*

(Riwayat Imam al-Nasai'i, *al-Sunan al-Kubra*,no. 3818)



## ISLAM DALAM PERSPEKTIF PARA SAHABAT

Para Sahabat memahami tuntutan kehidupan ini perlu terikat dengan peraturan Allah SWT selaku Tuhan yang menurunkan syariat sejahtera buat insan. Praktikal ajaran agama difahami dalam kerangka yang luas. Ia tidak terhenti pada permaidani solat bahkan meliputi setiap urusan kehidupan sehingga nafas terakhir dilakukan demi Tuhan. Mereka pernah mencatat sejarah sebagai penegak empayar kerajaan Islam yang penuh dengan kebaikan dan keadilan di sepertiga benua utama dunia. Hatta dua kuasa dunia, Rom dan Parsi pernah tunduk kepada kehebatan generasi ini.

Allah SWT memuji para Sahabat di dalam lembaran wahyu dengan sanjungan yang amat bermakna di dunia dan akhirat:

Maksudnya: *Dan orang-orang yang terdahulu yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) daripada orang-orang Muhibbin dan Ansar dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah redha akan mereka dan mereka pula redha akan Dia, serta Dia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.*

(Surah al-Taubah, ayat 100)



**Islam bukan sekadar pada hamparan permaidani solat, malah meliputi segenap urusan kehidupan**

**Para SAHABAT  
mencatat sejarah  
sebagai penegak 2/3  
benua empayar  
Kerajaan Islam**

**Islam digeruni kuasa besar Rom & Parsi  
disebabkan kehebatan generasi para  
SAHABAT**



## IBARAT BINTANG DI LANGIT

Rasulullah SAW banyak memuji jasa para Sahabat. Meskipun para Sahabat tidaklah *maksum* (tidak dijamin terpelihara daripada dosa) namun mereka mempunyai kebaikan yang besar, rakan suka duka bersama Utusan Allah, menyertai jihad dan sedia kembali kepada jalan yang benar apabila ada yang melakukan kesilapan hidup. Lantaran inilah *Ahl al-Sunnah wa al-Jam'ah* menyanjung tinggi, mengharamkan penghinaan dan pengkafiran terhadap Sahabat. Antara pengiktirafan tertinggi Rasulullah SAW kepada para Sahabat ialah:

Maksudnya: *Para Sahabatku umpama bintang di langit. Dengan tauladan mengikuti (kebaikan) mereka nescaya menjadi penyebab kamu beroleh hidayah.*

Rasulullah SAW juga dengan tegas mengingatkan kita agar tidak sekali – kali mencela dan merendahkan para sahabat dalam sabdanya:

Maksudnya: *Janganlah kamu mencela salah seorang pun daripada sahabatku. Demi jiwaku yang berada dalam kekuasaan-Nya, seandainya kamu menginfakkan seumpama emas sebesar Uhud nescaya tidak dapat menyaingi satu gantang yang telah diinfakkan mereka serta sesekali tidak dapat menyamai (ukuran) walaupun setengah gantang (yang mampu disedekahkan sahabat).*

(Riwayat Imam al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no. 3673)

## KHAIRA UMMAH'

Para Sahabat didapati amat taat terhadap perintah Allah SWT dalam keseluruhan cabang kehidupan. Justeru, tidak hairan martabat mereka sering diangkat dalam lembaran nas al-Quran dan hadis. Dalam hal ini, sesetengah *mufassir* (ahli tafsir) menyatakan bahawa kalimah '*khaira ummah*' dalam ayat 110 *Surah Ali-Imran* dikhususkan kepada golongan Sahabat di samping kelompok umat Nabi Muhammad SAW yang lain.

## JIL AL-QURAN AL-FARID

Syed Qutb (wafat 1966) seorang tokoh tafsir dan gerakan Islam terkenal, Ikhwan al-muslimin, telah menobatkan generasi Sahabat dengan ungkapan khas yang menggambarkan hubungan erat mereka dengan wahyu yang diturunkan. Beliau menobatkan mereka sebagai "*Jil al-Quran al-Farid*" iaitu "*generasi al-Quran yang unik*". Ungkapan ini wajar menjadi motivasi besar buat generasi terkemudian untuk meneruskan misi dan legasi dalam menyempurnakan kehidupan berdasarkan acuan yang hanya dikehendaki oleh Allah SWT. Meskipun martabat Sahabat amat tinggi, namun batasan rahmat dan limpahan kebaikan di sisi Tuhan tidaklah terhenti sekadar di zaman mereka. Islam masih lagi dituntut untuk direalisasikan sepanjang zaman. Galakan al-Quran untuk menjadi umat terbaik seperti:

Maksudnya: *Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu.*  
*(Surah At - Taubah, ayat 105)*

Firman Allah SWT tentang keperluan menyerahkan ketaatan kepada Allah dan Rasul:

Maksudnya: *Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.*

*(Surah al-Taubah, ayat 105)*

## GLOSARI

### • KHAIRA UMMAH

ISTILAH YANG BERMAKSUD UMAT YANG TERBAIK.

(Maksudnya): "*Kamu adalah umat yang terbaik (*khaira ummah*) yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah.*"

### • JIL AL-QURAN AL-FARID

GENERASI AL-QURAN YANG UNIK.

## MUHASABAH DIRI

Sabda Rasulullah SAW yang menerangkan kelangsungan umat ini dalam menegakkan perjuangan ajaran Islam:

Maksudnya: *Tidak akan luput golongan daripada umatku yang mendokong kebenaran daripada umatku, pihak yang memerangi mereka tidak akan dapat memudaratkan mereka.*

*(Riwayat Imam Muslim, Imam al-Tirmizi, Imam Abu Daud dan Imam Ahmad)*

Sewajarnya dunia Islam hari ini perlu bermuhasabah, adakah mereka kini benar-benar mengambil perhatian terhadap suri tauladan generasi Sahabat yang banyak berjasa dalam membina pembangunan keadilan dan ukhrawi. Hakikat yang berlaku, dunia Islam hari ini telah banyak mengabaikan perintah al-Quran dan al-Sunnah, lagi mundur dalam pembangunan duniawi yang juga dikehendaki Allah SWT.

Fenomena kemiskinan material dan jiwa, kemelesetan ekonomi, kepimpinan diktator, gejala rasuah, penjajahan order barat, ketempangan ilmu dan pengabaian syariat berlaku hampir di seluruh negara umat Islam. Golongan yang mahu kembali kepada penghayatan tauhid adalah tidak seramai golongan yang bertindak melupakan tanggungjawab ummah.





## TERUSKAN LEGASI KECEMERLANGAN

### BANGKIT DARI KEGAGALAN

Kesannya negara-negara umat Islam gagal kembali ke persada dunia dan sering ditimpa kehinaan serta menjadi mainan kuasa *order* barat sedangkan umat Islam adalah yang teramai di dunia, memiliki kekayaan bumi tersendiri dan pernah mempunyai sejarah pemerintahan yang pernah mengagumkan dunia. Dalam hal ini Allah SWT memberi ingatan:

*Maksudnya: Dan sesiapa yang mencari agama selain Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan dia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.*

(Surah Ali - Imran, ayat 85)

*Maksudnya: Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dengan bertaubat, serta berserah bulat-bulat kepadaNya, sebelum kamu didatangi azab; kerana sesudah itu kamu tidak akan diberikan pertolongan.*

(Surah al-Zumar, ayat 54)

Semoga kita kembali kepada landasan untuk melakukan segala urusan kehidupan ini berlandaskan kehendak Allah SWT. Dengan pemahaman tauhid, umat dapat menyambung kembali legasi kecemerlangan yang pernah dipamerkan generasi Sahabat. Kepincangan yang berlaku kini merupakan satu bala fitnah akibat di kalangan umat ini tidak sudi untuk kembali ke persada agama. Mereka gagal menterjemahkan kehendak Allah SWT akibat kejahilan. Bagi golongan yang mengetahui, virus kelalaian pula membelenggu mereka daripada sedar hakikat perjuangan *addin* yang perlu disempurnakan. Moga kita turut menjadi generasi pewaris yang dijanji limpahan kebaikan daripada Allah SWT dari dunia hingga akhirat.



## SEMANGAT JATI DIRI LAMBANG KEJAYAAN

*Junaidah Binti Jaafar*



INSAN HEBAT

Dalam rencana ringkas ini, saya ingin mengajak pembaca untuk merenung rahsia kejayaan seorang tokoh arkitek, Hijjas Kasturi sehingga menjadi seorang personaliti antarabangsa. Saya mencadangkan Hijjas Kasturi antara lain kerana mempunyai kekuatan dalam karya beliau yang memacu kejayaannya, iaitu keupayaan dalam merekabentuk bangunan dengan kepelbagai aspirasi budaya bangsa yang seiring arus pembangunan negara. Kisah sebagai satu inspirasi kepada generasi *Technical and Vocational Education Training* (TVET).



HIJJAS KASTURI

Pemilik nama Hijjas Kasturi merupakan seorang arkitek yang sangat terkenal dalam bidang seni bina. Beliau merupakan insan yang bertanggungjawab dalam merekabentuk bangunan dan menara yang unik di Malaysia seperti Menara Rebung TM, Bangunan Tabung Haji, Menara Maybank, Pusat Konvensyen Putrajaya, Menara Alor Setar dan banyak lagi.

Berasal dari Negeri Pahang, anak kelahiran Singapura ini, cukup kuat semangat kemelayuannya. Seunik nama, begitulah juga uniknya setiap hasil karya rekabentuk yang dihasilkan oleh beliau yang penuh dengan nilai estetika tersendiri bercirikan seni budaya Melayu.



SENTUHAN SIGNATURE

Beliau sangat terkenal dengan sentuhan dan idea ‘signature’ dalam standard kerja dalam kalangan arkitek negara. Sebagai contoh, seni bina bangunan Bank Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia yang menampilkan elemen songket dan tepak sireh. Manakala, bangunan Telekom Malaysia Berhad dilihamkan dari pucuk rebung dan keris pula sebagai paksi Menara Maybank.



**Info**

KENALI HIJJAS KASTURI

- Pemilik nama yang unik ini merupakan anak kelahiran Singapura
- Terkenal dengan seni bina yang sangat ‘dekat’ dengan identiti Malaysia seperti Bank Negara, Menara Rebung TM dan Menara Maybank
- Sering menjadikan elemen dari sumber alam sebagai inspirasi dalam rekaannya
- Aktif berkongsi ilmu walaupun di usia yang kini menginjak 80-an



BERKONGSI ILMU

Kini, walaupun sedang menginjak ke usia 80-an, namun beliau masih aktif pada usia emasnya. Menurut beliau, arkitek merupakan kerjaya yang sangat menarik dan boleh menyumbang kepada khidmat sepanjang hayat. Beliau seringkali dijemput untuk berkongsi pengalaman dan pendapat bersama generasi muda yang sealiran dengannya. Beliau juga pernah melahirkan rasa kecawa terhadap lanskap seni bina negara kini yang sepatutnya berkembang maju namun masih gagal menonjolkan identiti tempatan walaupun negara telah pun lebih setengah abad merdeka.

Beliau menyifatkan pembinaan Masjid Negara pada tahun 1963 sebagai mercu tanda era kegemilangan seni bina tempatan. Masjid Negara berbentuk seakan-akan payung, padat dengan manifestasi tempatan kerana berjaya menonjolkan identiti nasional.

**DI SEBALIK MENARA TABUNG HAJI**

Pemilik firma arkitek Hijjas Kasturi Associated Sdn Bhd yang juga pernah menyumbang kepakaran dalam pembangunan seni bina dan rekabentuk di Fakulti Seni Bina da Rekabentuk Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam ini juga berpendapat bahawa pembinaan sesebuah bangunan bukan sekadar seni tetapi mestilah mempunyai objektif dan maksud tertentu yang melambangkan identiti negara dan rakyatnya. Sebagai contoh, pembinaan Menara Tabung Haji yang direka untuk mencerminkan fungsi institusi tersebut yang menawarkan perkhidmatan menguruskan simpanan orang Islam yang ingin menuaikan ibadah haji.

Menara Tabung Haji yang terbina dengan lima tiang bewarna putih yang mengelilingi bangunan tersebut adalah mencerminkan dan mengangkat prinsip utama yang menjadi asas pegangan Muslim iaitu Rukun Islam.

**LAKARAN KEJAYAAN**

Jelasnya, identiti budaya bangsa haruslah sentiasa diterapkan dalam seni bina agar dapat menghasilkan karya yang kreatif dan inovatif, bersifat **GO GREEN** seiring dengan arus modenisasi. Beliau yang banyak didokong oleh Tun Dr Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia yang ke 4 & 7 ini, juga membahaskan apa yang dipanggil "*Social Engineering*" dan menekankan bahawa peranan arkitek bukan hanya mengejar kewangan dan kemewahan semata-mata.

Atas sumbangannya, beliau telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan. Antaranya Kuching Civic Centred daripada Association of Engineers, California, USA (1989), ASEAN Awards (1990), 12th Tokyo Creation Award dan (2001 ) PAM Gold Medal Award daripada Pertubuhan Arkitek Malaysia.



**BERKONGSI ILMU**

Mengambil iktibar dari kisah perjuangan Hijjas Karturi dalam memartabatkan Seni Budaya Bangsa sehingga ternama di mata dunia seiring dalam arus revolusi, wajarlah kita sebagai peneraju utama TVET mempersiapkan diri untuk menghadapi pelbagai cabaran revolusi baru ini. Malaysia kini yang sedang berhadapan dengan Revolusi Industri (IR 4.0) secara tidak langsung memberi kesan terhadap bidang pendidikan negara. Sepertimana yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar bahawa TVET kini berada dalam wajah dan fasa baharu yang perlu memberi penekanan kepada cabaran IR 4.0 bagi menepati keperluan semasa khususnya menjadi asas kepada penyediaan tenaga kerja bidang industri. Walau bagaimanapun, seiring dengan perkembangan revolusi dan teknologi ini, adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memastikan peradaban, nilai seni dan budaya sentiasa diterapkan dalam setiap aspek kehidupan.

Semoga kisah kejayaan tokoh ini menjadi inspirasi kepada kita semua, lapangkanlah minda jangan dikunci dan disempitkan sehingga lupa akar budaya. Seperti petikan kata-kata Hijjas "**mengekalkan budaya bangsa tidak bermakna kita akan jauh ketinggalan di belakang. Tidak salah untuk mengikuti arus kemodenan serta mencipta rekaan baharu, tetapi janganlah sampai melupakan asal usul**".

**RUJUKAN**


Asyikin. (2015). Serlah jiwa melayu dalam seni bina. 5 Disember [2015](#). Harian metro. [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my)

Latifah (2015). Seni bina tempatan leka tiru idea luar. 23 September 2015. Berita harian. [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

Norlida. (2018). TVET bakal berwajah baharu, penuhi keperluan Revolusi Industri 4.0. 28 Ogos 2018. Kosmo. [www.kosmo.com.my](http://www.kosmo.com.my)

Bersama Hijjas Kasturi, Arkitek terkenal. 21st August 2015. <http://jaringananakmuda.blogspot.com>

Seni bina warisan Malaysia. 12 september 2011. <http://norhastura-tokoh.tokohterunggul.blogspot.com>



## SEJASAD DIRI SEPOTONG NAMA

*Roshadah Binti Abu Bakar*

AMANAH DIPIKUL SEBAIKNYA

### NILAI PEMIMPIN

Islam adalah agama yang mementingkan keamanan dan kasih sayang sesama insan. Oleh yang demikian, sikap adil, amanah, bertanggungjawab dan ikhlas harus ada dalam diri setiap individu terutamanya pemimpin. Ini bagi memastikan agar orang yang dipimpin mendapat manfaat sepanjang berada dalam kepimpinannya.

### TOKOH ISLAM ULUNG

Jalan untuk mencapai kejayaan sebagai pemimpin yang hakiki tidak dapat tidak wajib dengan memerhati perjalanan orang bertaqwa yang terdahulu. Tokoh teragung sudah pastilah Rasulullah SAW yang mengajar manusia erti hakikat kejayaan sebagai pemimpin yang sebenar dalam mencari redha Allah SWT. Pada kurun ketiga terawal selepas zaman pemerintahan Rasulullah SAW wujud seorang tokoh yang sangat masyhur dengan kezuhudan dirinya dalam pemerintahan kerajaan iaitu khalifah Umar bin Abdul Aziz.

### UMAR ABDUL AZIZ

Kebanyakan ulama' dan sejarawan mengiktiraf kepimpinan khalifah Umar bin Abdul Aziz sebagai Khulafa' al-Rashidin yang kelima kerana mirip dengan metod pemerintahan zaman empat Khalifah al Rashidin yang terdahulu.

Khalifah Umar Abdul Aziz mempunyai perwatakan yang lemah lembut, bertubuh kecil dan kurus, janggutnya tersusun rapi, mempunyai sifat penyayang walaupun terhadap binatang.

Setiap keringat binatang yang digunakan haruslah pada kadar kemampuannya dan tidak melampaui batas dari kemampuan had tenaganya. Seperti dalam satu hadis Rasulullah SAW yang menceritakan tentang lelaki yang dijanji syurga walaupun hanya dengan berbuat baik kepada binatang.


Khalifah Umar Abdul Aziz sangat bimbang dengan beban tanggungjawab dalam jawatan yang disandang, beliau takut seandainya tidak mampu memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya.

### TAWADHUK

Sewaktu Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik dalam keadaan tenat dan hampir meninggal dunia, Khalifah Sulaiman ingin melantik individu yang layak menggantikan beliau. Orang kanan beliau yang bernama Roja' dipanggil untuk mencalonkan siapakah yang layak menggantikannya. Dalam satu perjumpaan, semua pembesar-pembesar dipanggil berkumpul termasuk Umar bin Abdul Aziz. Umar bin Abdul Aziz sejak dari awal lagi memaklumkan kepada Roja' agar jangan mencalonkan namanya sebab dia tidak mampu untuk memikul tanggungjawab ini terutama ketika mengadap Allah SWT di akhirat nanti. Namun pilihan yang dibuat pada akhirnya adalah memilih juga kepada beliau. Roja' merenung wajah Umar dan berkata *"aku tidak melihat orang lain yang lebih layak melainkan kamu dan adakah kamu mahu menempa dosa dengan melihat kemungkaran berlaku jika kamu tidak menerima jawatan ini"*.

Imam as-Syafi'i ada menyatakan:  
*"Khalifah itu ada lima: Abu Bakar as-Siddiq, Umar bin al-Khattab, Uthman bin Affan, Ali bin Abi Talib dan Umar bin Abdul Aziz".*





**Umar tidak mampu berkata apa-apa lalu jantungnya terus berdegup kencang dan kelihatan peluh membasahi dahinya kerana takut dirinya tidak mampu memikul tanggungjawab yang berat ini tambah lagi untuk berdepan dengan Allah SWT.**

Baginya bukan jawatan tinggi yang menjadi cita-citanya. Biarlah beliau menjadi orang biasa yang tidak banyak tanggungjawab kerana takut tidak mampu menjawab setiap persoalan ketika berhadapan dengan Allah kelak.

Khalifah Umar bin Abdul Aziz sangat zuhud dalam kehidupannya, kata Imam Az-Zahabi:

*"Umar bin Abdul Aziz seorang yang mempunyai watak yang baik, idea yang berasas, bijak berpolitik, sangat pentingkan keadilan, kezuhudannya sukar dicari ganti, kemewahan bukan menjadi pilihannya. Ramai para ulama' mengiktiraf beliau sebagai khalifah dan ulama' yang beramal"*

Yahya bin Hamzah bercerita bahawa beliau menggunakan pelita kerajaan untuk urusan kerajaan sahaja. Apabila ada urusan peribadi beliau akan padamkan pelita kerajaan dan dinalakan pelita peribadinya.

Demikianlah sifat seorang pemimpin yang begitu memegang amanah. Tidak sekali-kali menggunakan harta kerajaan untuk tujuan peribadi. Setiap urusan peribadinya akan dilaksanakan dengan menggunakan hartanya sendiri.

Khalifah Umar bin Abdul Aziz memerintah selama 2 tahun lebih dan meninggal dunia pada tahun 101 Hijrah. Jasadnya dikebumikan di Syria.

Ketokohan Khalifah Umar bin Abdul Aziz terserlah dengan kejayaan dalam pemerintahan beliau yang sentiasa memberi kebajikan dan keadilan kepada rakyat, menjadi kebanggaan dan buah mulut semua rakyat termasuklah kepada yang bukan beragama Islam.

Justeru, sikap Khalifah Umar bin Abdul Aziz ini memperlihatkan kepada kita tentang salah satu prinsip penting dalam urus tadbir yang sangat baik. Pemerintahan yang meliputi peribadi berakhlek mulia dan beretika tinggi dalam urus tadbir. Prinsip inilah yang menjadi tunjang dalam merealisasikan matlamat urus tadbir yang baik. demi menegakkan *al-makruf* dan menghalang *al-Munkar*.

Memerintah selama DUA tahun

Memiliki watak yang baik, idea berasas , bijak berpolitik

Metod pemerintahan mirip zaman khalifah al-Rashidin

Seorang yang zuhud, sehingga diiktiraf sebagai ulama' yang beramal

Meninggal dunia pada tahun ke 101 Hijrah

Jasadnya dikebumikan di Syria

#### Rujukan:

Wan Ji Wan Hussin, Saifulamri M. Hussain. (2013). *Kezuhudan Umar Abdul Aziz kesederhanaan Nik Abdul Aziz*. Kemilau Publik Sdn. Bhd. ISBN 978-967-361-088-4

Zulhelman Roslan, Ahmad Irdha Mokhtar, Zulkefli Aini. (2015). *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah, Urus Tadbir yang Baik dalam Pemerintahan Khalifah 'Umar b. 'Abd al-'Azîz* UKM, ISBN 123-456-7890-98-7(2015), (99-101H/717-720M)

Nasiruddin S.AG.MM. (2008). *Kisah Keadilan Para Pemimpin Islam*. terbitan Republik.

Sabda Rasulullah SAW: "Berbuat baiklah kepada semua makhluk yang hidup, nescaya kamu akan mendapat ganjaran daripada Allah SWT".  
(Hadis Riwayat Muslim No: 4162)



# Ramadan Kareem

RAMADHAN, BUKAN SEKADAR LAPAR DAN DAHAGA



Cuit si anak kecil

"Umi pernah tak ponteng puasa waktu umur umi macam angah?"

Suatu pagi, si kecil angah (berusia 6 tahun) bersuara memecah sunyi pagi. Saya sedang memandu, dalam perjalanan menghantar along dan angah ke sekolah. Soalan itu membawa fikiran saya terkenang memori 25 tahun lepas.

"Pernah. Waktu umi ambil wuduk di sekolah agama (petang), umi minum air sebab dahaga sangat. Tapi tak ada orang yang tahu."

Along dan angah terdiam. Alamak... Biar betul umi ni. Dah kenapa pula menipu waktu puasa pula kan. Lantas angah menyambung bicara. Seolah-olah mahu mendapat kepastian.

"Memang umi tak bagitau sesiapa. Tapi Allah pasti tahu. Umi dapat minum, tapi umi rugi sendiri. Betul tak?"

Praktikal 11 bulan

Benar. Sejak dari kecil kita dilatih berpuasa pada tempoh tertentu, tidak makan dan tidak minum. Waktu inilah kita boleh merasai sendiri bagaimana orang susah yang tiada makanan menahan lapar. Tapi bukan sekadar itu. Ada hikmah yang lebih besar.

Praktikal ibadah puasa kita pada bulan Ramadhan sebenarnya sangat mempengaruhi keseluruhan gaya hidup kita untuk 11 bulan seterusnya. Kerana puasa, antara matlamat utamanya ialah menundukkan pelbagai nafsu yang membengeluji jiwa (agar terbentuknya peribadi muslim yang bertaqwa).

Teringin pelbagai juadah makanan, ingin beli itu ini, asyik tidur, cepat marah dan melenting, malas, bertangguh, menipu, mengata orang, membawang sana sini, asyik tidak puas hati, aku saja yang betul, namakan apa lagi. Semuanya nafsu liar, mungkin wujud dalam diri kita, malah syaitan sangat suka.

Mumtaz Hidayatullah Binti Yatau



Melentur nafsu

Nafsu yang benar-benar ditundukkan sewaktu Ramadhan, ia akan lebih mudah dijinakkan ketika di luar Ramadhan. Contoh, kita rasa marah sangat pada si A. Hati rasa ingin menyebut segala kesalahan A dengan amarah yang tinggi. Rasa puas jika berjaya membuka rasa sakit hati dan bengang di hatinya.

Tapi, kita tidak lakukan mengikut emosi jika sepanjang Ramadhan kita telah mendidik nafsu amarah dengan betul. Sepanjang berpuasa, kita cuba sedaya mungkin menahan lisan daripada memarahi orang lain kan?

Namun, jika setelah habis puasa, kita masih berbicara yang menyakitkan hati, itu maksudnya puasa kita belum mencapai target. Belum lulus secara rohani. Tapi inshaAllah pahalanya tetap ada. Fizikalnya seperti aktiviti detox dalam perut (kerana berpuasa) inshaAllah akan dapat juga.

Soalnya, bagaimana mahu didik nafsu, agar ia benar-benar ditundukkan sepanjang Ramadhan? Cuba senaraikan hal negatif yang kita ada. Mohon Allah beri kekuatan untuk dibaiki hal tersebut kepada positif.

Contoh, daripada suka mengata orang, kepada memilih untuk diam.

Istimewanya  
Ramadhan

Pasti ianya tidak begitu mudah. Namun, istimewanya Ramadhan ini, Allah beri tempoh sebulan yang sempurna untuk kita konsisten amalkan yang baik-baik. InshaAllah yang baik-baik (yang Allah suruh) juga akan terus segar serta mengindahkan hari-hari mendatang.

Akhirnya kita sedar, hal yang kita mahu ia jadi baik tadi (menundukkan nafsu), itulah antara hal yang disebut taqwa (mengerjakan perintah Allah, menjauhi yang dilarangNya).

"Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa". (Surah Al-Baqarah, ayat 183)



## INSPIRASI KEIMPIMPINAN IDEAL MELALUI KISAH ZULKARNAIN

Rosmawati Binti Razak

3 perkara disoal

Muhammad Bin Ishaq menyebutkan sebab turunnya kisah ini di mana beliau mengemukakan daripada Ibnu Abbas bahawa kaum Quraisy mengutus al-Nadhar bin al-Haris dan Uqbah bin Abi Muith kepada para pendeta Yahudi di Madinah untuk bertanya tentang kenabian Muhammad SAW kerana *ahlu al-kitab* tersebut mempunyai ilmu pengetahuan tentang Nabi SAW. Kedua-dua orang tersebut telah diminta oleh ahli kitab untuk bertanya kepada Nabi SAW tentang 3 perkara iaitu **pemuda-pemuda yang mengalami peristiwa yang luar biasa, seseorang yang mengelilingi sehingga ke timur dan barat bumi dan berita tentang ruh.** Maka, Rasulullah SAW telah berjaya menjawab semua soalan tersebut dalam beberapa tempoh masa (Ibnu Kathir).

Berdasarkan pertanyaan tersebut, kisah kedua yang dinyatakan adalah berkaitan dengan Zulkarnain yang telah mengembara ke timur dan barat.

**Rasulullah SAW juga mengkhabarkan kepada mereka mengenai kisah Zulkarnain yang membina tembok sebagai tambahan kepada persoalan tersebut dan tanda kenabian baginda yang mempunyai ilmu pengetahuan mendalam atas wahyu yang disampaikan kepada baginda sebagai utusan Allah SWT (al-Thabari).**

### MENGENALI PEMILIK NAMA ZULKARNAIN

Zulkarnain merupakan suatu nama yang telah disebutkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran. Ia dapat dibuktikan menerusi kisahnya yang terkandung di dalam surah al-Kahfi ayat 83-99.

Dianugerahkan Allah SWT dengan pemerintahan yang luas meliputi wilayah timur dan barat.

Pemimpin yang adil dan bertanggungjawab. Dinamakan Zulkarnain yang bermaksud ‘mempunyai dua tanduk’

Perkataan ‘qarn’ bermaksud tanduk. Ada pendapat mengatakan bahawa Zulkarnain itu memakai topi yang bertanduk dua. Ada juga berpendapat bahawa Zulkarnain mengikat rambutnya seolah-olah kelihatan berbonggol di kepala. Bahkan ada juga berpendapat ‘Zulkarnain’ itu bermaksud ‘memerintah selama dua kurun’ kerana perkataan *Qarn* dimaksudkan dengan makna kurun. Terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa Zulkarnain itu diertikan dengan ‘yang menguasai timur dan barat’ (Ibnu Kathir).

Ada juga berpendapat ‘Zulkarnain’ itu bermaksud ‘memerintah selama dua kurun’ kerana perkataan *Qarn* dimaksudkan dengan makna kurun.


Maka, sudah pasti keperibadian ini mempunyai nilai istimewa dalam pandangan Allah hingga kisah Zulkarnain terakam di dalam al-Quran untuk diambil pengajaran dan manfaat manusia umum.

### Keperibadian Zulkarnain

Al-Quran menggambarkan bahawa Zulkarnain merupakan seorang pemimpin yang beriman. Beliau dianugerahkan Allah SWT dengan pemerintahan yang luas meliputi wilayah timur dan barat. Beliau adalah seorang pemimpin yang adil dan bertanggungjawab. Dinamakan dengan Zulkarnain yang bererti ‘mempunyai dua tanduk’ kerana perkataan ‘*qarn*’ itu bermaksud tanduk. Ada pendapat mengatakan bahawa Zulkarnain itu memakai topi yang bertanduk dua. Ada juga berpendapat bahawa Zulkarnain mengikat rambutnya seolah-olah kelihatan berbonggol di kepala. Bahkan ada juga berpendapat ‘Zulkarnain’ itu bermaksud ‘memerintah selama dua kurun’ kerana perkataan *Qarn* dimaksudkan dengan makna kurun. Terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa Zulkarnain itu diertikan dengan ‘yang menguasai timur dan barat’ (Ibnu Kathir).

### Siapakah Zulkarnain?

Persoalan yang timbul dalam kalangan kita adalah siapakah Zulkarnain yang diceritakan di dalam al-Quran itu? Para *mufassir* dan sejarawan telah lama berusaha untuk mengkaji tentang peribadi, zaman, tempat dan masa kehidupan Zulkarnain.



Namun, pendapat mereka kerap berbeza kerana mempunyai bukti yang berlawanan dan sumber yang tidak jelas. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan yang mahsyur tentang Zulkarnain. Antaranya ialah Zulkarnain adalah Iskandar dari Macedonia, Zulkarnain berasal dari Himyar dan pandangan yang ketiga adalah Zulkarnain merupakan Raja Parsi. Namun tiada pandangan yang benar-benar *rajih* dan tepat. Penulis juga tidak meletakkan kecenderungan pada mana-mana pendapat di dalam perkara ini kerana apa yang lebih penting adalah intipati yang perlu dipelajari daripada kisah ini.

### Perjalanan ke arah matahari terbenam

Menurut Ibnu Kathir, Zulkarnain telah sampai ke tempat yang jauh dari bahagian bumi di barat dan beliau menyaksikan matahari dengan matanya sendiri terbenam dalam samudera. Demikianlah keadaan pandangan setiap orang apabila sampai pada tepian pantai, di mana ia melihat matahari itu seakan-akan terbenam ke dalam laut tersebut. Walhal, matahari itu tetap berada pada orbitnya. Setelah Zulkarnain tiba di mata air itu, beliau menemui suatu kaum yang mengkufuri Allah iaitu salah satu dari beberapa umat.

Dalam hal ini, Allah memberinya petunjuk melalui ilham. Allah memberinya dua alternatif untuk memerintah tempat tersebut. Pertama, membunuh penduduk kafir itu jika tidak mengakui kekuasaanNya. Kedua, mengajar mereka dengan ilmu agama sebagai memperjelaskan syariat dan hukum kepada mereka.

Zulkarnain berkata kepada pengikutnya, orang yang melakukan penganiayaan ke atas dirinya dengan menyekutukan Tuhan, akan diazab dengan hukuman bunuh, di akhirat pula akan menemui Tuhan dengan azab yang dahsyat di neraka.

Manakala, orang yang percaya kepada Allah dan keesaanNya serta mengerjakan amal soleh, di akhirat kelak akan menerima pahala terbaik sebagai balasan yang setimpal dengan tingkah laku yang baik semasa di dunia. Mereka akan diajar bagi mendekatkan diri kepada Allah seperti sembahyang, zakat, jihad dan sebagainya (al-Maraghiy).

### Kaum yang tiada pelindung

Zulkarnain menempuh jalan dari tempat terbenamnya matahari menuju ke tempat terbitnya matahari di timur. Setiap kali melewati segolongan umat, maka beliau dapat mengalahkan dan menguasai mereka serta menyeru mereka kepada Allah. Jika mereka menolak seruannya, maka mereka akan dikuasai dan dihalalkan harta kekayaan dan bekalan mereka yang ada pada umat tersebut untuk pengikut atau bala tenteranya menyerang wilayah mereka sehingga sampai di tempat terbitnya matahari. Kemudian, Zulkarnain bertemu dengan suatu umat di timur, mereka tidak mempunyai bangunan yang dapat dijadikan sebagai tempat tinggal mereka, tiada pepohon yang dapat menaungi mereka dan menghalangi mereka dari terik matahari. Said bin Jubair mengatakan mereka berwarna merah, bertubuh pendek, tempat tinggal mereka di gua dan makanan adalah ikan. Ibnu Jarir pula mengatakan bahawa mereka tidak membangunkan suatu bangunan di sana. Jika matahari terbit, mereka akan masuk ke tempat tinggal mereka sehingga matahari lenyap, atau mereka masuk ke laut. Hal ini kerana di tanah mereka tidak terdapat gunung (Ibn Kathir).

### Tembok penghalang Yakjuj & Makjuj

Zulkarnain melalui jalan ketiga yang menempuh sempadan di antara jalan timur dan barat, dari tempat terbitnya matahari menuju ke utara. Apabila Zulkarnain dan tenteranya tiba di antara dua gunung itu iaitu tempat yang dikatakan oleh para pelancong pada abad ke-15M sebagai tempat yang unik.

Beliau mendapati di antara dua gunung itu tinggal suatu bangsa manusia yang hampir tidak dapat memahami setiap persoalan yang diajukan kepada mereka kerana tahap pemikiran mereka lemah. Sekiranya mereka mempunyai kecerdasan yang mantap, sudah tentu mereka memahami setiap persoalan yang diajukan berbanding penggunaan bahasa isyarat. Penterjemah kepada kaum tersebut memberi peringatan bahawa Yakjuj dan Makjuj telah melakukan kezaliman di negeri itu dengan melakukan pembunuhan, kehancuran, perampasan makanan dan segala bentuk kerosakan lain. Lalu, mereka mengumpulkan harta dan menyerahkannya kepada Zulkarnain sebagai upah membina tembok bagi menghalang negeri mereka daripada dimusnahkan oleh Yakjuj dan Makjuj yang sering melakukan kezaliman itu.

**Zulkarnain berkata:**  
*“Apa yang dikurniakan oleh Allah kepadaku, iaitu kerajaan yang luas, kekuasaan dan harta yang banyak sudah memadai berbanding upah yang hendak kamu berikan. Justeru, aku tidak memerlukan upah tersebut”*  
(al-Maraghiy).

## Ibrah kisah Zulkarnain

Melalui 3 fasa pengembalaan Zulkarnain, dapat dianalisis bahawa beliau mempunyai kriteria seorang pemimpin yang terbaik jika dilihat dari sudut pencapaian sepanjang pemerintahannya dan ketika mana beliau berhadapan dengan pelbagai watak manusia ketika itu. Beliau telah dikurniakan ilham secara terus dari Allah SWT dalam setiap tindakan yang bakal dilakukannya. Oleh itu, beliau telah menggunakan ilham tersebut untuk berhadapan dengan kaum-kaum yang dihadapinya dengan cara yang berbeza mengikut kesesuaian keadaan mereka. Antara kaum yang dihadapi oleh baginda adalah kaum yang kufur dan ingkar, kaum yang tidak bertamadun (primitif) dan kaum yang ditindas serta golongan yang menindas.

### Siapakah pemimpin ideal?

Meletakkan hak Allah mendahului kepentingan lain, adil kepada pengikut yang tidak disukai dengan memberi peluang dan adil kepada pengikut yang disukai dengan memberi kebaikan serta meraikan kepelbagaian sikap dengan membina '*rappor*' yang baik.

Kesimpulannya, dapat diperhatikan bahawa perjalanannya kisah Zulkarnain merupakan contoh yang terbaik tentang seorang pemimpin yang soleh, diberikan kekuasaan oleh Allah di muka bumi namun tidak bersikap sombong malah telah memanfaatkan kekuasaannya untuk menyebarkan kebaikan, mencegah permusuhan dan menegakkan kebenaran. Kemudian, beliau mengembalikan semua itu kepada rahmat dan kekuasaan Allah SWT dan tidak lupa bahawa kekuasaan yang dimiliki adalah daripada kehendak Allah SWT dan kepada Allah akan kembali segala-galanya.

### Rujukan

- Ibnu Kathir. 2012. *Tahzib al-Bidayah wa al-Nihayah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn Kathir. 2003. *Tafsir Ibn Kathir*. Jil (5). Terj. Abdullah Muhammad. Bogor: Pustaka asy-Syafie.
- al-Khalidiy, Saleh. 2000. *Kisah al-Quran*. Jil (2). Jakarta: Gema Insani Press.
- al-Maraghiy, Mustafa. 2001. *Tafsir al-Maraghiy*. Jil (8). Terj. Muhammad Talib. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Khair Ramadhan Yusuf. 1994. *Zulqarnain al-Qaid al-Fatih wa al-Hakim al-Soleh*. Beirut: Dar al-Qalam.



### PEMIMPIN YANG IDEAL

- Menjadi pemimpin yang beriman dengan meletakkan hak Allah mendahului kepentingan lain.
- Adil kepada pengikut yang tidak disukai dengan memberi peluang dan adil kepada pengikut yang disukai dengan memberi kebaikan.
- Kemahiran dalam berkomunikasi. Meraikan kepelbagaian sikap dengan membina '*rappor*' yang baik dengan setiap pengikut agar mereka tunduk dan patuh dengan arahan dan kata-kata.



### PENTADBIRAN SISTEMATIK

- Memimpin dengan pedoman agama dengan mengambil kira pembangunan yang seimbang antara rohani dan material.
- Memberi ilmu serta kemahiran kepada pengikut dengan melihat kekuatan yang berbeza-beza yang ada pada mereka.
- Mewujudkan kebersamaan dan rasa tanggungjawab dalam melakukan sesuatu kerja agar pengikut juga merasai *sense of belonging* apabila melakukan sesuatu kerja.



### RAKYAT YANG SETIA

- Taat dan patuh pada setiap arahan dan kata-kata pemimpin yang tidak bertentangan dengan syariat dan peraturan.
- *Be in someone's shoes*. Elakkan diri daripada membebankan pemimpin kerana mereka juga akan dipersoalkan di peringkat yang lebih tinggi.
- Memberi kepercayaan yang sepenuhnya kepada pemimpin dan yakin bahawa setiap pemimpin pasti mempunyai kelebihan dan kekuatan yang tersendiri.

## BAGAIMANA MENDEPANI TRAUMA PSIKOLOGI: MENELUSURI KISAH MARYAM

Zuraiha Mohd Zain

Hawa dijadikan dari tulang rusuk Adam. Inilah petunjuk kepentingan kaum hawa bagi setiap lelaki. Keistimewaan seorang wanita yang diciptakan Allah memainkan peranan yang begitu penting dalam lipatan sejarah penyebaran dakwah Rasulullah SAW. Siti Khadijah, Fatimah, Aisyah dan banyak lagi nama-nama hebat yang sangat sinonim dalam membantu perjuangan Islam.

### Wanita & Tanggungjawab

Setiap wanita perlu peduli peranannya sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi ini supaya boleh menuaikan tanggungjawab sebagai isteri, anak dan anggota masyarakat. Gelaran wanita penghuni syurga yang dikehjarnya sudah pasti digenggam jika semua peranan tersebut dapat diperlakukan semaksimum yang mungkin. Melalui penulisan kali ini, penulis akan membentangkan kisah seorang wanita yang namanya terakam indah di dalam kitab suci Al-Quran serta dinukilkannya sebuah surah khas buatnya iaitu Maryam ibu kepada nabi Isa. Nama Maryam diabadikan di dalam surah ke 19 yang terdiri dari 98 ayat kesemuanya. Keseluruhan ayatnya diturunkan di Mekah yang melibatkan isu aqidah serta keyakinan. Bermula kisah Hannah isteri 'Imran, iaitu ibu Maryam yang bernazar jika mendapat anak akan diwakafkan untuk berkhidmat di Masjidil Aqsa. Maka setelah Hannah melahirkan Maryam ditunaikan hajatnya.

### Wanita solehah yang diuji

Maryam adalah seorang perempuan solehah telah dipilih oleh Allah untuk menerima kemuliaan mengandungkan nabi terakhir daripada bani Israel, iaitu nabi Isa. Syarat yang diberi terlalu berat iaitu kelahiran nabi Isa tanpa seorang ayah yang akan menjadi bukti mukjizat kenabian. Namun, situasi ini begitu merunsingkan jiwa si ibu kerana sangat bertentangan dengan adat manusia dan kelahiran. Maryam tetap menerima dengan hati terbuka dan menjadikan dirinya seorang yang teguh iman serta bersabar mengharungi dugaan demi Allah. Mental dan fizikalnya sangat teruji dengan melahirkan anak bersendirian tanpa suami atau sesiapa menemani di sisi. Sungguhpun Maryam sentiasa beribadah namun Allah terus menguji keimanan hambanya itu. Ujian besar diharungi juga, kaum bani Israel yang terkenal jahat memfitnah beliau berzina serta anaknya dituduh anak zina. Maha suci Allah telah membuktikan kesucian Maryam dengan bayi kecilnya boleh bercakap ketika dilahirkan. Si anak mempertahankan ibunya tidak bersalah. Semua ujian ditempuhi Maryam tanpa ragu-ragu, beliau terus mengharap pertolongan Allah.

### Sifat Peribadi

Kisah Maryam ini mendidik kita sebagai manusia bagaimana berhadapan dengan ujian Allah. Uruskan jiwa dengan baik dengan cara yang dianjurkan Islam.



**Info**

SURAH MARYAM

Surah ke 19 dalam Al-Quran

Mempunyai 98 ayat, kesemuanya

Keseluruhan ayat diturunkan di Mekah

Melibatkan isu aqidah dan keyakinan

Seorang perempuan wajib menjaga kehormatan dengan sifat semulajadinya yang lemah lembut dan pemalu. Sifat malu inilah akan menjadi benteng kukuh agar kelahiran anak-anak yang tidak berdosa secara berleluasa kini dapat dikawal. Wanita bersuami pula perlu mentaati suami dan sentiasa bersyukur menerima suami seadanya. **Allah berfirman, "Wahai Maryam! Taatlah kepada Tuhanmu, dan sujudlah serta rukuklah (mengerjakan sembahyang) bersama-sama orang-orang yang rukuk."**

(Surah Ali-Imran, ayat 43)  
Maryam telah diperintahkan oleh Allah supaya mentaatiNya dengan rukuk dan sujud.



## Hebatnya Wanita

Kehebatan Maryam ini diukur kerana kuatnya beliau beribadah serta sentiasa beruzlah di timur Baitulmaqdis (Masjidil Aqsa). Maryam juga terus berzikir kepada Allah walaupun ketika haid. Ayat ini memberi peringatan kepada ‘Maryam’ di luar sana supaya tidak menggunakan alasan untuk tidak membasahi lidah dengan zikir walaupun ketika tidak suci (haid). Seseorang yang benar-benar beriman tidak akan berasa kecawa, resah dan gelisah dengan sesuatu yang telah ditakdirkan Allah seperti ujian kehilangan orang tersayang, kerugian harta benda serta penyakit yang menimpa.



## Yakin dengan Allah

Keputusan Allah adalah yang terbaik sekalipun pada pandangan manusia sebaliknya. Pemikiranlah yang menerajui perlakuan kita bahawa setiap ujian untuk meningkatkan darjat kita di sisi Allah SWT.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *“...boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah SWT hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)”* (Surah An-Nisa’, ayat 19). Kesabaran manusia semakin menipis apabila masa terlalu panjang dan usaha menjadi sukar. Ayat-ayat suci Al-Quran banyak menggandingkan kesabaran dengan ibadat solat. Ini kerana solat merupakan penyubur jiwa yang tidak pernah luntur. Solatlah punca pemulih tenaga dan penambah kepada jangka hayat kesabaran yang akhirnya membawa kepada keredhaan dan ketenangan.

### RUJUKAN:

Al-Quran Al-Karim (Tajwid Dan Terjemahan Humaira) Cetakan Gramedia Printing Jl Palmerah Selatan 22-28, RT.4/RW.2 Gelora, Tanah Abang, Jakarta 10270, Indonesia


[https://www.youtube.com/watch?v=RBL0N\\_NCcC0](https://www.youtube.com/watch?v=RBL0N_NCcC0)

<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/08/461628/teladani-empat-tokoh-jadilah-wanita-dirindui-syurga>

[https://id.wikipedia.org/wiki/Tokoh\\_wanita\\_dalam\\_AlQuran](https://id.wikipedia.org/wiki/Tokoh_wanita_dalam_AlQuran)

<https://ikimfm.my/sehebat-maryam/>



**GALERI****Usrah Sesi Disember 2018**

Program Pemantapan Sahsiah Pelajar ini memfokuskan kepada semua pelajar semester 1 sesi Disember 2018 yang terlibat dengan Kursus DUB1012-Pengajian Malaysia dibawah topik ISU KEPRIHATINAN NEGARA (Konsep Pembangunan Insan). Program ini adalah satu usaha bagi membantu pelajar membentuk sahsiah yang cemerlang dan melahirkan modal insan yang seimbang di samping menyemai budaya ilmu dalam masyarakat. Program ini merupakan program bimbingan Asas Fardhu Ain dan Asas Moral yang menjadi satu keperluan kepada setiap pelajar untuk memahami dan menghayatinya. Program ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pelajar Islam dan pelajar bukan Islam. Setiap bahagian pelajar disediakan silibus yang terancang untuk dilaksanakan sepanjang satu semester bersama fasilitator yang telah dilantik. Program ini berlangsung setiap hari Rabu, 7.30 - 8.30 malam bermula 12.12.2018 sehingga 03 April 2019.



## Karnival Mahabbah JPA

Karnival Mahabbah JPA telah dilaksanakan dengan jayanya pada hari Rabu 16 Januari 2019. Program ini adalah hasil kerjasama Unit Pendidikan Islam dan Moral serta Unit Bahasa Inggeris, JPA PTSS. Antara aktiviti-aktiviti yang dipertandingkan oleh Unit Pendidikan Islam ialah azan, nasyid, khat, hafazan dan kuiz Pendidikan Islam. Unit Bahasa Inggeris pula menganjurkan pertandingan *short story writing*, *spelling bee*, *scrabble* dan *poster competition*. Semua aktiviti yang dijalankan ini berlangsung serentak di tempat-tempat yang telah dijadualkan. Antara tempat yang terlibat ialah Dewan Kuliah 1, Bilik Tayangan Multimedia, Bilik Pembentangan Multimedia dan Kafeteria Pentadbiran PTSS. Salah satu objektif penganjuran karnival ini ialah untuk memberi ruang kepada pelajar membuktikan kebolehan sebenar serta dapat memupuk kerjasama dan semangat berpasukan. Penyertaan pelajar dalam setiap aktiviti yang dianjurkan amat memberangsangkan dimana semua aktiviti yang dipertandingkan mempunyai wakil dari setiap jabatan induk di PTSS.





## Program Motivasi STAM



Program Sahsiah Terpuji Akhlak Mahmudah (STAM) telah berlangsung dengan jayanya pada 15 hingga 17 Februari 2019 bertempat di Damai Park Resort, Merbok.


Program ini memfokuskan kepada bimbingan sahsiah terpuji akhlak mahmudah yang sangat dituntut dalam Islam. Program anjuran Unit Pendidikan Islam dan Moral, JPA dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Kamsis & Pusat Islam Luqman Al-Hakim Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis ini disertai seramai 44 orang pelajar terpilih. Program ini dipenuhi dengan pengisian yang sangat bermakna di mana para peserta dibimbang dengan penghayatan konsep Islam yang sebenar. Melalui program ini pelajar dapat mempraktikkan apa yang diperolehi dan seterusnya mampu menjadikan mereka sebagai graduan yang seimbang dari segi kerohanian dan akademik. Perasmian penutupan majlis telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Pengarah PTSS iaitu En. Abdul Malek Bin Hassan.



### Program Amal Kasih



Program Amal Kasih adalah satu projek kursus DRK3142 Kelab Nasyid yang memerlukan kepada penganjuran program berbentuk kemahiran tanggungjawab sosial dan bakat kepimpinan serta kemahiran kerja dalam kumpulan agar mampu berinteraksi dengan masyarakat setempat. Program ini diadakan pada 17 Mac 2019 bertempat di Sekolah Agama at-Toyyibah, Kampung Padang Halban, Changloon, Kedah.



### PPRISMA VIII



Projek Pengurusan, Seni, Perhotelan, Sains Teknologi & Kejuruteraan Dalam Islam (PPRISMA VIII) telah diadakan pada hari Rabu 27.02.2019 dan 06.03.2019 jam 8.00 hingga 10.00 pagi. Objektif penganjuran program ini ialah untuk memenuhi kehendak kursus berkaitan serta memupuk kemahiran rekacipta dan inovasi dalam kalangan pelajar. Pelajar semester dua yang terlibat dalam program ini telah membentangkan hasil ciptaan inovasi mereka secara berkumpulan untuk dinilai oleh juri-juri.





## Kem Intensif Membaca Al-Quran Kaedah Al-Hira'




Kem intensif membaca Al-Quran ini adalah satu usaha yang dilakukan untuk meningkatkan penguasaan bacaan Al-Quran pelajar. Langkah yang diambil ini dapat menjadi salah satu medium untuk memberi ruang dan peluang kepada pelajar yang bermasalah dalam bacaan Al-Quran untuk lebih berminat dengannya. Kem ini diadakan pada setiap hari Sabtu jam 8 pagi hingga 1 tengahari sepanjang bulan Mac bertempat di Bilik Seminar Pusat Islam, PTSS. Seramai 15 orang pelajar bermasalah dalam menguasai bacaan Al-Quran telah dipilih mengikuti program ini. Tenaga pengajar luar dijemput khas dari Pusat Pembelajaran Al-Hira Kangar, Perlis di samping tenaga pengajar dalaman PTSS sebagai fasilitator program.



## UJI MINDA

*Oleh: Ainul Farhaan Harun*



### **MELINTANG**

- 1 Negara yang menjadi pengebumian jasad Khalifah Umar Abdul Aziz
- 3 Bangunan yang direka dengan mengambil inspirasi dari elemen songket
- 4 Umar Abdul Aziz dilantik menjadi khalifah bagi menggantikan Khalifah .....  
.....
- 8 Bermaksud umat terbaik
- 11 Bermaksud tanduk
- 12 Tempat kelahiran tokoh arkitek Hijjas Kasturi
- 13 Pembantu yang juga orang kanan kepada Khalifah Sulaiman

### **KE BAWAH**

- 2 Kaum yang sentiasa merosakkan dan mengganggu ketenteraman
- 5 Surah Maryam diturunkan di .....
- 6 Maryam adalah wantia hebat dari kaum .....
- 7 Nama ibu kepada Maryam
- 9 Tempat yang dikatakan sebagai kawasan kelahiran Zulkarnain
- 10 Salah satu ciri pemimpin ideal adalah membina ..... yang baik



BULETIN AL - IRSYAD | EDISI 7 | 1440H | 2019M | MOTIVASI DIRI, INSPIRASI JIWA